

Golongan miskin tak harus wujud lagi

Oleh KAMARUZAMAN MOHAMAD

SHAH ALAM 4 Nov. — Golongan termiskin tidak seharusnya wujud lagi dalam negara Malaysia yang kini serba membangun, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata, dalam negara di mana peluang pekerjaan lebih banyak daripada pekerja, tidak seharusnya ada mereka yang tidak dapat bekerja atau mencari nafkah.

Menurutnya, kemiskin-

an yang ada sepatutnya hanya di kalangan golongan yang memerlukan bantuan langsung seperti mereka yang sudah tua, uzur, sakit atau tidak berupaya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Malam Sejuta Harapan III anjuran Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) Selangor di Dewan Jubli Perak di sini.

Turut hadir ialah isteri beliau, Datuk Seri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib dan para pemimpin negeri yang lain.

Sempena majlis itu, YBK menerima sumbangan sebanyak RM3 juta daripada Larut Consolidated (RM1.5 juta), Sime UEP (RM1 juta) dan Coral Land (RM500,000).

Selain daripada itu, sebuah syarikat turut menyumbangkan sebuah kereta Perodua Kancil untuk kegunaan YBK.

Menurut Dr. Mahathir, di Malaysia, mereka yang sanggup bekerja walaupun dengan upah yang rendah dan setimpal dengan kebolehan mereka, akan dapat membebaskan diri daripada kemiskinan.

Beliau mengingatkan

rakyat negara ini agar tidak mengamalkan sikap suka meminta-minta daripada orang lain kerana ia sedikit sebanyak menjatuhkan maruah mereka.

Perdana Menteri berkata, mereka sebolehnya kena berusaha sendiri untuk mendapat punca pendapatan kerana sikap meminta-minta itu hanya boleh dilakukan dalam keadaan yang daif sahaja.

"Hanya mereka yang daif dan cukup terdesak boleh meminta-minta, sebab ini boleh menjejaskan maruah diri," katanya.

Dr. Mahathir mende-

dahkan terdapat pihak-pihak yang suka meminta untuk hidup mewah dan ini merupakan satu perbuatan yang tidak manis.

Beliau berkata, rakyat sepatutnya lebih menumpukan kepada kerja-kerja untuk mendapatkan upah kerana ia merupakan satu pegangan hidup.

Mereka yang berada pula, tambahnya, harus mempunyai sikap bermurah hati dan penyayang terhadap pihak yang lemah serta memerlukan bantuan.

Mengenai keadaan kemiskinan pada masa ini, beliau berkata, sejak Da-

sar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan dahulu, negara berjaya mengurangkan kadar kemiskinan sebanyak 50 peratus iaitu dari 70 peratus kepada hanya 15 peratus sahaja sekarang.

"Walaupun dasar itu tidak dapat menghapuskan sepenuhnya kemiskinan tetapi kerajaan tetap berusaha untuk menurunkan kadar itu," katanya.

Perdana Menteri mem-

berita, pada masa ini, negara mempunyai jutawan di kalangan bumiputera dan bukan bumiputera hasil daripada kejayaan DEB.